

Headline **Jangan abai kerja amal**
Date **29 Aug 2010**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Bintang Popular**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **3**
Article Size **461 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **12,132**
PRValue **36,396**



Jangan abai kerja amal

Usaha murni buka mata masyarakat

SAMA ada bersetuju atau tidak, populariti seseorang selebriti turut memainkan peranan dalam membantu menjayakan sesuatu kempen untuk memberi kesedaran kepada masyarakat.

Biar mungkin ada yang memandang sinis pembabitatan selebriti dalam usaha murni itu, Kak Pora percaya pengaruh artis sedikit sebanyak membantu membuka mata peminat untuk mengikuti kempen kesedaran itu.

Sebenarnya perkara itu bukan lagi sesuatu yang baru.

Ketika kecil, Kak Pora masih ingat populariti Ramlah Ram dan Raja Ema pernah dimanfaatkan untuk kempen keselamatan jalan raya sempena cuti musim Aidilfitri.

Lagu tema kempen itu yang dinyanyikan mereka berdua cukup popular dan tersemat kukuh dalam ingatan Kak Pora. Sempat lagu itu dialunkan untuk beberapa tahun, sekali gus mengingatkan pengguna jalan raya supaya tidak memandang enteng aspek keselamatan ketika memandu.

Mungkin ada yang bertanya mengapa isu itu yang dibangkitkan Kak Pora dalam ruangan ini? Kak Pora sebenarnya terharu kerana kekuatan industri hiburan dalam menyalurkan mesej penting kepada masyarakat semakin diakui.

Apa lagi, ketika ini masih ada sebahagian masyarakat memandang kecil peranan artis, malah cuma melihat kelompok ini sekadar mengejar populariti dan mencipta kontroversi tanpa sedar mereka juga mempunyai tanggungjawab sosial.

Ramadan ini Kak Pora

tersentuh melihat keberanian dua artis popular tempatan yang sanggup melakukan pengorbanan, meninggalkan segala keselesaan dan kesenangan di tanah air untuk berbakti kepada mangsa kekejaman Zionis di Palestin.

Tiada siapa yang memaksa sebaliknya Fauziah Latiff atau Jee dan Faizal Tahir menerima tanggungjawab itu atas kerelaan sendiri.

Pemergian mereka juga bukan untuk meraih populariti atau menagih publisiti media massa kerana baik Jee mahu pun Faizal tidak memperbesar-besarkan niat suci ke sana.

Melihat air mata Jee yang mengalir laju ketika berkongsi pengalamannya dan suara sebak Faizal tatkala mengimbas momen mendebarkan sepanjang di Palestin dan Lubnan, Kak Pora percaya ada sesuatu yang terbuka di hati mereka.

Barangkali keringat yang mereka curahkan tidak sehebat ketabahan dan kekuatan mangsa kekejaman Israel yang bertahan demi menjunjung maruah bangsa dan agama.

Bagaimanapun, Kak Pora berharap usaha murni dua artis itu akan menjadi iktutan peminat setia mereka. Siapa tahu keberanian mereka menjadi pencetus kepada kesungguhan anak tempatan untuk menggembleng tenaga dalam kerja amal.

Mungkin Jee dan Faizal bertuah kerana terpilih menyertai misi khas itu tetapi keinginan untuk berbakti itu tidak mengira lokasi atau masa. Di negara sendiri pun masih banyak ruang untuk kita menyalurkan keinginan itu. Sama ada bersedia atau tidak, tepuk dada tanya selera.

Cuma yang Kak Pora harap cetusan kesunggu-

Headline **Jangan abai kerja amal**
Date **29 Aug 2010**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Bintang Popular**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **3**
Article Size **461 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **12,132**
PRValue **36,396**

han mereka tidak berhenti hanya setakat itu kerana untuk menanam kesedaran di sanubari manusia bukan memakan masa sehari dua. Terpulang bagaimana seseorang itu menerimanya.

Selain mereka berdua, Kak Pora tahu nama seperti Dayang Nurfaizah, Umie Aida dan Fahrin Ahmad juga aktif menyumbang tenaga untuk kerja amal bagi menyuntik keprihatinan masyarakat terhadap mangsa HIV dan Aids.

Cuma yang tak sedap di pendengaran Kak Pora, ada segelintir selebriti yang tidak memberikan komitmen dalam kerja amal itu biarpun sudah bersetuju untuk terabit.

Mereka hanya hangat-

hangat tahi ayam tetapi apabila diperlukan, pelbagai alasan diberikan. Mungkin aktiviti amal ini tidak mendatangkan pendapatan itu yang membuatkan sesetengah artis bersikap sambil lewa.

Jadi masihkah mahu menyalahkan masyarakat jika mereka masih mempunyai pandangan skeptikal terhadap peranan artis dalam kerja amal?

Kak Pora: Masih ingat betapa kempen amal untuk membantu rakyat Palestin yang dicetuskan kumpulan NSTP mendapat sambutan baik kalangan artis dan selebriti. Terima kasih daun keladi!



Dayang Nurfaizah turut menjalankan kerja amal.



Fauziah Latiff sewaktu di Palestin.